

SANTAPAN ROHANI

AIDILFITRI

Aidilfitri merupakan hari yang dinantikan oleh seluruh umat Islam. Tidak kira sama ada yang kecil mahupun yang besar, yang tua atau muda, semuanya ingin menjadikan sambutan Aidilfitri sebagai yang terbaik dan terindah. Suasana kemeriahan dan kegembiraan jelas terpancar apabila dapat berkumpul bersama-sama ibubapa, sanak saudara, rakan taulan, jiran tetangga dan lainnya. Dalam Islam, sejarah hari raya bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah ke Madinah. Se-waktu berada di sana baginda mendapati masyarakat Arab pada masa itu telah memiliki dua hari perayaan yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Rasulullah s.a.w. lalu menyatakan kepada mereka bahawa Islam telah menggantikan dua hari raya yang mereka raikan itu dengan dua hari yang lebih baik, iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Raya Aidilfitri.

Berdasarkan kedudukan ini, jelas kepada kita bahawa kedua-dua hari raya yang kita sambut iaitu Aidilfitri dan Aidiladha, tidaklah sama dengan hari-hari perayaan yang lain. Kedua-dua hariraya ini merupakan ketetapan yang telah ditentukan di dalam syariat Islam. Justeru kerana itu, sambutan yang kita adakan mestilah juga selaras dan selari dengan tuntutan syariat Islam. Apa yang penting ialah dalam kemeriahan kita menyambut Aidilfitri, maka janganlah hendaknya sampai kita tersasar daripada batas-batas yang telah ditetapkan oleh Agama. Apalah ertinya kita berpuasa selama sebulan di dalam bulan ramadhan dengan menahan nafsu lapar dan dahaga, jika pada akhirnya kita tunduk dan akur kepada kehendak nafsu sehingga tidak memperdulikan tuntutan dan peraturan agama.

Diantara amalan baik yang amat dianjurkan ketika menyambut Aidilfitri ialah memperbanyakkan ucapan takbir, tasbih dan tahmid kepada Allah SWT, menunaikan solat sunat Aidilfitri, ziarah menziarahi, saling bermaafan dan mengucapkan tahniah, menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik agar dapat sama bergembira di hari raya, menjamu tetamu yang datang dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan kita memperbanyakkan amalan kebaikan ini, kehidupan kita akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

MUTIARA HADIS

Daripada Abu Ayub r.a. bahawa Rasulullah SAW. bersabda, " Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan, kemudian mengiringinya dengan puasa sunat enam hari di bulan Syawal, pahalanya seperti berpuasa setahun". (Muslim)

HURAIANNYA

1. Islam menganjurkan umatnya supaya melakukan kebaikan secara berterusan, walaupun sedikit.
2. Orang yang berpuasa Ramadhan diikuti dengan puasa sunat 6 hari pada bulan Syawal maka pahalanya sama dengan berpuasa setahun. Hal ini disebabkan puasa sunat satu hari bersamaan pahalanya dengan sepuluh hari. Manakala puasa Ramadhan bersamaan dengan 10 bulan, maka 6 hari puasa sunat bersamaan dengan 2 bulan, kemudian dicampurkan dengan 10 bulan jumlahnya menjadi setahun.
3. Seseorang yang hendak berpuasa sunat di bulan Syawal adalah lebih afdhal berturutan seperti puasa bulan Ramadhan tetapi dibolehkan berpuasa secara berselang hari selama dalam tempoh bulan Syawal itu.

**"Kegagalan bukan bermakna
anda tidak mencapai apa-apa.
Ia bermakna anda telah
mempelajari sesuatu"**

SOAL JAWAB

S: Apakah hukumnya berjimak ketika puasa qada'?

J: Jima' ketika puasa qada' tidak dikenakan kifarat. Walaubagaimanapun ia adalah satu dosa dan telah membatalkan puasanya.

S: Apakah hukum menjawab azan?

J: Menurut kebanyakan ulama', hukum menjawab azan adalah sunat. Tetapi ia adalah sunat yang sangat-sangat dituntut (sunat muakkad). Hukum menjawab azan itu sangat dituntut sehinggakan Rasulullah SAW melarang umatnya bercakap-cakap ketika azan berkemandang. Diriwayatkan daripada sebuah hadis yang bermaksud: "hendaklah kamu mendinginkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan kelukan lidahnya ketika maut menghampirinya."

SELAMAT HARI RAYA

AIDILFITRI 1431H

Anda mempunyai kemusykilan agama atau perlukan khidmat nasihat? Sila Hubungi :
Us. Muhyidin b. Aziz @ Saari (03-88 71 3540)
Utz. Anasalina Bt Abd Samad (03-8871 3537)